

13 laluan alternatif sepanjang 51km

KUALA LUMPUR: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan rakan pembekal projek MMC Gamuda Sdn Bhd sudah mengenal pasti laluan alternatif kepada kenderaan bagi mengatasi kesesakan jalan raya sepanjang pembinaan projek transit aliran massa Lembah Klang (KVMRT) Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Amir Mahmood Razak berkata, sehingga kini, 13 laluan alternatif di lapan kawasan dikenal pasti sepanjang laluan 51 kilometer SBK.

Katanya, kesesakan lalu



AMIR...elak kesesakan

lintas memang tidak dapat dielakkan di beberapa lokasi sepanjang laluan terbabit dalam tempoh beberapa bulan akan datang disebabkan kerja pembinaan tujuh daripada lapan

pakej bertingkat sudah dimulakan.

Menurutnya, tugas MRT Corp dan MMC Gamuda adalah bagi memastikan kesesakan ini dapat dikurangkan dengan mengenal pasti laluan alternatif yang dapat mengelakkan daripada melalui kawasan kerja MRT.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut di www.mymrt.com.my atau menghubungi hotline MRT 1-800-82-6868 atau mengunjungi pusat maklumat MRT di Kota Damansara, Taman Tun Dr Ismail (TTDI), KL Sentral, Kajang dan Bandar Tun Hussein Onn.